



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 3 Tahun 2020**MINGGU INTERIM BAGI PELAJAR PRA-DIPLOMA****TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai pelaksanaan kuliah pada Minggu Interim bagi pelajar baharu Pra-Diploma UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Akademik Bil. 2/2017 menetapkan bahawa bermula Sesi I 2017/2018 (Jun 2017), pelajar baharu Diploma perlu menghadiri Minggu Interim sebelum mereka memulakan perkuliahan pengajian dalam semester perdana. Laporan dan kajian menunjukkan pelajar mendapat manfaat daripada modul-modul yang telah ditawarkan kepada mereka semasa Minggu Interim.
3. Senat Universiti ke-254 pada 5 Februari 2020 telah meluluskan bahawa pelaksanaan Minggu Interim ini diperluaskan kepada pelajar baharu Pra-Diploma bermula Sesi I 2020/2020 (Ogos 2020).

PELAKSANAAN

4. Semua pelajar baharu Pra-Diploma perlu menjalani Minggu Interim pada:
Pengambilan Sesi I : Jun - Julai
Pengambilan Sesi II : Disember - Januari
5. Minggu Interim Pra-Diploma akan dijalankan serentak dengan Minggu Interim bagi pelajar baharu Diploma dengan mendaftar modul-modul dan menjalani perkuliahan di dalam kumpulan yang sama.
6. Pelajar lepasan Pra-Diploma yang akan ditawarkan ke peringkat Diploma yang telah menjalani Minggu Interim akan dikecualikan dan mendaftar terus bersama dengan pelajar lama Diploma dan Sarjana Muda pada semester berikutnya.
7. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti/ Pusat Akademik/ UiTM Cawangan/ PTJ masing-masing.

PEKELILING BERKAITAN


8. Pekeliling ini perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Akademik Bil 2/2017 (Minggu Interim bagi Pelajar Diploma) dan Pekeliling Akademik Bil 5/2018 (Garis Panduan Pelaksanaan Minggu Interim di Universiti Teknologi MARA).

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling dikeluarkan pada 6 Februari 2020.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 6 Februari 2020.



PROF. TS. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-HEA(6/4)
Kategori Pekeliling : Polisi*